

Talian Panduan Tatalaku Perniagaan Monsanto

Kita punya wawasan yang istimewa. Manfaat yang dibawakan oleh produk Monsanto dapat dilihat di serata dunia, dari ladang keluarga yang kecil-kecil hingga syarikat komersial yang besar-besar.

Wawasan kita dapat menjadi kenyataan jika kita menghayati Ikrar Monsanto, dengan cara berniaga dengan integriti. Kod Tatalaku Perniagaan menjadi rujukan kita bagi integriti perniagaan di Monsanto. Integriti adalah nilai yang menaungi segala dalam Ikrar Monsanto, dan itulah caranya kita menguruskan kegiatan perniagaan setiap hari. Kod Tatalaku Perniagaan memberi bimbingan tentang cara menguruskan perniagaan dengan integriti. Jika ada pertanyaan atau keprihatinan tentang kod tersebut pada bila-bila masa pun, sila hubungi Talian Panduan Tatalaku Perniagaan Monsanto.

Talian Panduan Tatalaku Perniagaan Monsanto adalah cara yang mudah untuk anda meminta panduan apabila menghadapi apa jua kekhuatiran tentang tatalaku perniagaan. Jika mahu, anda boleh menelefon tanpa memberi nama.

Jika menelefon dari luar Amerika Utara, tekan dahulu kod akses untuk talian antarabangsa di negara anda. Bagi Malaysia, kod dan nombor yang harus didail ialah: 1-800-80-0011, 877-781-2431.

Apabila anda menelefon Talian Panduan Tatalaku Perniagaan Monsanto, seorang pakar komunikasi yang terlatih akan berbincang dengan anda untuk lebih memahami apa keprihatinan anda. Kemudian, pakar tersebut akan menyalurkan pertanyaan anda dalam bentuk laporan kepada Business Conduct Office Monsanto, yang akan meninjau pertanyaan itu bagi menentukan tindakan atau jawapan yang wajar.

Di akhir panggilan, anda akan diberi nombor rujukan dan tarikh panggilan lanjut. Anda boleh menelefon lagi selepas tarikh yang diberikan itu untuk mengetahui tindakan lanjut tentang pertanyaan atau kekhuatiran anda itu. Sebutkan sahaja nombor rujukan apabila menelefon lagi. Jika maklumat tambahan diperlukan, anda akan diminta memberikannya apabila anda menelefon lagi.

Harap ambil perhatian.....

Dengan adanya Talian Panduan Tatalaku Perniagaan Monsanto, bukan ertinya tidak perlu lagi komunikasi bermakna antara anda dengan penyelia anda. Jika ada pertanyaan atau keprihatinan tentang prosedur operasi biasa atau cadangan untuk menjadikan tempat kerja lebih selesa atau cekap, sila kemukakan terus kepada penyelia anda.

Ikrar Monsanto

Integriti adalah asas segala yang kita lakukan. Integriti termasuk kejujuran, maruah, keseragaman dan ketabahan. Dengan berlunaskan nilai-nilai tersebut, kita bertekad untuk:

Dialog:

Kita akan mendengar berbagai sudut pandangan dengan teliti dan turut serta dalam dialog yang bernas bagi meluaskan pemahaman kita tentang pelbagai isu demi menghuraikan keperluan dan persoalan masyarakat dan satu sama lain dengan lebih sempurna lagi.

Hormat:

Kita akan menghormati persoalan agama, budaya dan etika semua orang di serata dunia. Keselamatan pekerja kita, komuniti tempat kita berurusan, pelanggan kita, pengguna dan alam sekitar akan menjadi keutamaan kita yang tertinggi.

Ketelusan:

Kita akan memastikan maklumat tersedia, mudah didapati dan mudah difahami.

Berkongsi:

Kita akan berkongsi pengetahuan dan teknologi demi menjayakan pemahaman sains, meningkatkan pertanian dan alam sekitar, meningkatkan hasil tanaman, dan membantu peladang di negara membangun.

Manfaat:

Kita akan menghasilkan produk berkualiti tinggi yang bermanfaat untuk pelanggan kita dan alam sekitar, dengan sains yang bernas dan berdaya pembaharuan, serta pengelolaan yang berhemah dan berkesan.

Secara dalaman, kita juga berikrar untuk:

Berkelakuan sebagai Pemilik bagi Mencapai Hasil:

Kita akan mewujudkan kejelasan hala tuju, peranan dan pertanggungjawaban; membina pertalian kukuh dengan pelanggan dan rakan luar kita; membuat keputusan yang bijak; mengelola sumber-sumber syarikat; dan memikul tanggungjawab bagi mencapai hasil yang disepakati bersama.

Mencipta Tempat Kerja yang Hebat:

Kita akan memastikan kepelbagaian kakitangan dan pemikiran; memupuk inovasi, daya kreatif dan pembelajaran; mengamalkan kerjasama kumpulan yang merangkumi semua; dan memberi ganjaran serta mengiktiraf kebolehan kakitangan kita.

Sumber Business Conduct Office

Anda digalakkan supaya menggunakan pelbagai kaedah yang tersedia bagi menghubungi Business Conduct Office:

Talian Panduan Monsanto:	877-781-2431
Telefon Pejabat:	800-886-0782
E-mel:	business.conduct@monsanto.com
Alamat Pos Tatalaku Perniagaan Sedunia:	Monsanto Business Conduct Program P.O. Box 21526 St. Louis, MO 63132, USA

Harap maklum, anda boleh mengajukan masalah atau pertanyaan kepada Business Conduct Office tanpa mengenalkan diri jika mahu. Namun, demi melindungi pengenalan diri anda, sila gunakan kaedah Talian Panduan atau Peti Surat untuk berkomunikasi. Bagi pekerja yang memberikan nama, kerahsiaan diri anda akan dilindungi seberapa dapat.

Rakan-Rakan Monsanto Sekalian:


Komitmen yang tidak berganjak untuk menegakkan integriti dalam segala urusan perniagaan, itulah tunjang tatalaku korporat kita. Komitmen ini jangan sekali-kali kita pandang ringan. Bahkan, kita harus menegaskannya semula setiap hari. Dengan menerapkan integriti dalam segala urusan, kita akan meraih dan dapat memelihara kepercayaan semua pihak yang berkepentingan.

Kita harus berusaha memelihara dan meningkatkan kepercayaan itu setiap hari. Dengan kepercayaan ini, kita akan dapat mencapai wawasan makanan melimpah dan persekitaran sihat; tanpa kepercayaan ini, kita mungkin menghadapi rintangan yang hampir tak teratasi terhadap kebebasan kita untuk beroperasi.

Meraih reputasi itu bukan bererti sekadar mematuhi tuntutan undang-undang. Kita harus melakukan apa yang betul meskipun berdepan dengan situasi yang tidak ditentukan oleh mana-mana undang-undang atau peraturan tertentu. Kadang-kala, tidak begitu jelas apa sebetulnya yang harus dilakukan, tetapi di Monsanto kita berkewajipan mencari dan menemui jawapan yang tepat dalam setiap situasi perniagaan. Bagi membantu kita mengambil tindakan yang terbaik, Kod ini memberi panduan bagi tatalaku perniagaan yang wajar. Kod ini membantu kita menguruskan dengan cara bertanggung jawab berbagai rupa amalan perniagaan yang rumit yang menjejaskan nama baik kita.

Kita masing-masing dikehendaki menegakkan Kod ini dalam segala urusan.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Hugh Grant", with a horizontal line underneath it.

*Hugh Grant
Pengerusi Lembaga Pengarah dan CEO Monsanto Company*

Kandungan

Skop Kod ini / Business Conduct Office	1
Integriti	2
Komitmen Kita	3
Komitmen Kepada Sesama Kita	3
<i>Persekitaran Kerja Kita</i> <i>Persoalan Keselamatan dan Kesihatan</i>	
Komitmen Kita untuk Berurusan dengan Saksama	4
<i>Antitrust dan Undang-Undang Persaingan yang lain</i> <i>Perisikan Persaingan</i> <i>Rasuah dan Sogokan</i> <i>Hadiah dan Hiburan</i> <i>Integriti Pemasaran</i> <i>Sumbangan Politik dan Melobi</i> <i>Perdagangan Orang Dalam</i> <i>Konflik Kepentingan</i> <i>Peluang-Peluang Korporat</i> <i>Hubungan Pembekal dan Pelanggan</i>	
Komitmen Kita untuk Menjaga Integriti Produk	6
<i>Penyelidikan Sains</i> <i>Kualiti Produk</i> <i>Pematuhan Peraturan</i> <i>Pengelolaan Produk</i>	
Komitmen Kita untuk Bekerja Sesuai dengan Komuniti Kita	8
<i>Melindungi Alam Sekitar</i> <i>Aktiviti Politik Pekerja</i>	
Komitmen Kita untuk Membuat Pendedahan Awam yang Tepat dan Menggunakan Aset Syarikat Secara Wajar	8
<i>Kualiti Pendedahan Awam</i> <i>Buku-Buku dan Rekod yang Tepat</i> <i>Pengurusan Rekod</i> <i>Harta Intelektual dan Maklumat Sulit</i> <i>Harta Syarikat</i> <i>Komputer, E-mel, dan Internet</i> <i>Privasi Rekod</i> <i>Privasi Kumpulan Eropah</i>	
Komitmen Kita untuk Mewujudkan Tempat Kerja Sedunia	11
<i>Membantu Perjuangan Menentang Rasuah</i> <i>Undang-Undang Anti Pemboikotan</i> <i>Sekatan Perdagangan dan Ekonomi</i> <i>Mengeksport dan Mengimport</i> <i>Urus Niaga Mata Wang yang Beretika</i>	
Soalan Lazim	12
Kata-Kata Penutup	13

Skop Kod ini

Kod Tatalaku Perniagaan ("Kod") ini telah diterapkan oleh kepimpinan kita dan Lembaga Pengarah. Kod ini membentangkan dan menjelaskan kewajipan asas bagi kita semua. Pertama sekali, sudah menjadi dasar Monsanto mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Kod ini adalah panduan dan sumber bagi mendapatkan maklumat undang-undang tentang isu-isu tatalaku perniagaan yang sering terjadi. Kod ini bukan dimaksudkan untuk memberi jawapan atas setiap keadaan, dan bukan juga merupakan ringkasan segala undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa atas Monsanto. Pekerja sentiasa dikehendaki menggunakan akal budi dan penilaian terbaik masing-masing apabila menghadapi isu-isu tatalaku perniagaan, dan meminta bimbingan sekiranya kurang jelas apa tindakan yang terbaik.

Kod ini berkuat kuasa atas perniagaan dan subsidiari Monsanto di serata dunia dan berkuat kuasa atas semua pegawai dan pengarah Monsanto, serta pekerja penuh masa dan separuh masa. Di samping itu, Kod ini berkuat kuasa atas semua sekutu yang dikuasai oleh Monsanto. Akhir sekali, semua entiti yang mewakili Monsanto seperti para konsultan, agen, wakil jualan, pengedar, dan kontraktor bebas harus bersetuju secara tertulis untuk mematuhi bahagian-bahagian yang berkenaan dalam Kod ini. Jika berkenaan, semua entiti tersebut adalah terikat oleh peruntukan yang sama seperti yang berkuat kuasa atas pekerja Monsanto.

Business Conduct Office

Business Conduct Office diwujudkan bagi melaksanakan dan menguruskan Program Tatalaku Perniagaan di Monsanto. Tugas Pejabat ini termasuk memberi bimbingan dan nasihat tentang Kod dan apa-apa isu etika perniagaan.

Anda digalakkan supaya menggunakan pelbagai kaedah yang tersedia bagi menghubungi Business Conduct Office:

Talian Panduan Monsanto:	877•781•2431
Telefon Pejabat:	800•886•0782
E-mel:	business.conduct@monsanto.com
Pos biasa:	Monsanto Business Conduct Program P.O. Box 21526 St. Louis, MO 63132, USA
Borang maklum balas Tatalaku Perniagaan di web	Di laman Program Tatalaku Perniagaan

Perhatian, anda boleh mengemukakan sesuatu kekhawatiran atau masalah kepada Business Conduct Office tanpa mengenalkan diri jika mahu. Namun, demi melindungi pengenalan diri anda, sila gunakan kaedah Talian Panduan atau Peti Surat untuk berkomunikasi. Bagi pekerja yang memberikan nama, kerahsiaan diri anda akan dilindungi seberapa dapat.

Selain itu, pada bila-bila masa anda boleh menimbulkan isu atau soalan kepada penyelia atau Jabatan Undang-Undang Monsanto.

Integriti

Kita akan bertindak dengan berintegriti dalam segala urusan kita, kerana integriti adalah tunggak urusan perniagaan Monsanto. Perniagaan yang dibina atas integriti menjalin hubungan percaya mempercayai yang menghasilkan pertalian yang erat dan berkekalan dengan komuniti tempat kita bekerja, dengan pelanggan kita, dengan pihak-pihak berkepentingan dalam urusan kita dan dengan sesama kita. Integriti membimbing perlakuan kita dalam segala hal, termasuk menegakkan unsur-unsur Ikrar Monsanto.

Ikrar Monsanto diisi dan dinaungi oleh nilai-nilai Monsanto yang membentuk komitmen kita untuk menjaga integriti:

Kejujuran	Berterus terang dan terbuka dalam urusan kita, jelas dan tepat dalam komunikasi kita. Meraih dan memelihara kepercayaan mereka yang kita berikan khidmat.
Berbudi	Layan orang lain dengan bermaruah dan saksama. Mendengar buah fikiran orang lain, meskipun bercanggahan, dan bekerja bersama-sama dengan rendah diri untuk menyelesaikan masalah.
Konsisten	Menegakkan komitmen kita kepada pelanggan, pelabur, masyarakat, dan sesama kita. Bertanggung jawab atas tindakan kita dan berusaha mengejar kecemerlangan.
Tabah	Cukup berani untuk menyuarakan dan benar-benar menegakkan nilai-nilai kita, meskipun berdepan dengan mereka yang tidak menegakkannya. Melakukan perkara yang betul, biarpun lebih mudah melakukan yang salah.

Kadang-kala, meskipun tindakan yang diambil itu sejajar dengan undang-undang, anda mungkin bertanya-tanya sama ada tindakan itu harus diambil atau tidak, agar tidak bercanggahan dengan nilai-nilai kita sendiri, atau dengan sesuatu bahagian Ikrar Monsanto. Bagi membantu anda menyelesaikan dilema seperti itu, sila gunakan panduan membuat keputusan yang berikut.

Ikut langkah-langkah berikut untuk cuba menyelesaikan masalah anda:

1. Dapatkan fakta, jelaskan apa dilema anda, dan tentukan persoalan pokoknya sedaya upaya anda.
2. Cuba sedaya upaya anda memahami kepentingan mereka yang akan terjejas oleh keputusan anda, dan catatkan apa-apa kepentingan yang bertentangan.
3. Buat penilaian atas keadaan itu dan apa-apa tindakan dengan merujuk kepada Ikrar Monsanto.
4. Jika dilema anda nampaknya bercanggahan dengan Ikrar, pergi ke Nilai-Nilai kita bagi mendapatkan bimbingan tambahan untuk memilih keputusan yang menimbangkan nilai-nilai tersebut dan, pada penilaian anda, merupakan pilihan terbaik.
5. Dapatkan panduan tambahan jika masih ragu-ragu apa tindakan yang terbaik.

Dari itu, pada pokoknya, gunakan Kod ini sebagai rujukan bukan sekadar untuk mematuhi undang-undang yang berkenaan, tetapi untuk memastikan tindakan kita mencerminkan Syarikat yang bagaimana kita mahukan Monsanto ini.

Inilah ringkasan ertinya Integriti dalam pekerjaan:

- Mematuhi semua undang-undang, peraturan, kaedah, dan dasar yang berkuat kuasa atas urusan perniagaan kita, walau di mana pun perniagaan itu dilakukan.
- Memastikan semua urusan niaga kita dikendalikan dengan jujur dan direkodkan dengan tepat.
- Mengelakkan konflik kepentingan, baik yang hakiki mahupun yang disangka.
- Jangan menggunakan aset, maklumat, atau hubungan Monsanto untuk keuntungan peribadi.
- Mengelakkan tindakan balas dendam terhadap pekerja yang melaporkan dengan wajar sesuatu isu atau persoalan tatalaku perniagaan.

Integriti (bersambung)

- Menghormati hak semua pekerja untuk mendapat layanan yang adil dan peluang sama rata, bebas daripada gangguan.
- Melakukan semua urusan perniagaan dengan jujur dan adil.

Komitmen Kita

Hidup Berintegriti bererti membuat komitmen dan menjaganya. Kod ini telah kami bahagikan ke dalam enam bidang perniagaan kita, dan kita akan bincangkan komitmen kita dalam setiap bidang.

Komitmen Kepada Sesama Kita

Kita mulakan dengan tanggung jawab kepada sesama kita, kepada sesama pekerja. Cara kita melayani sesama kita menjadi teladan dan landasan bagi cara kita melayani orang lain yang berurusan dengan kita.

Persekitaran Kerja Kita

Monsanto berjaya kerana pekerja kita dan kumpulan kita, dan hakikat ini jangan sekali-kali kita lupakan.

Monsanto bertekad untuk mencipta persekitaran berjaya yang beraneka dan bebas daripada diskriminasi dan gangguan. Untuk tujuan itu, kita bertekad untuk menyediakan peluang pekerjaan sama rata kepada semua pekerja dan pemohon pekerjaan. Hal ini bererti kita akan merekrut, menggaji, menaikkan pangkat, membayar gaji dan menyediakan syarat-syarat pekerjaan yang lain tanpa mengira bangsa, warna kulit, agama, jantina, umur, asal usul kenegaraan, haluan seksual, taraf bekas tentera, kurang upaya, atau apa jua taraf lain yang diliputi undang-undang pekerjaan. Kita akan berusaha atas dasar suci hati untuk menyediakan kemudahan yang munasabah bagi mereka yang kurang upaya.

Kita tidak akan membiarkan perilaku diskriminasi atau gangguan terhadap ciri-ciri tersebut, termasuk yang bersifat seksual, perkauman, atau keagamaan. Komen dan perbuatan yang menggalakkan atau mewujudkan persekitaran bermusuhan tidak akan dibiarkan. Selain saluran laporan yang telah disebutkan, pekerja yang mempunyai pertanyaan atau persoalan tentang persekitaran kerja kita boleh menghubungi Jabatan Sumber Manusia.

Persoalan Keselamatan dan Kesihatan

Selain peraturan undang-undang luar, Monsanto menerapkan Keperluan Asas keselamatan dan kesihatan demi mewujudkan piawai kesihatan dan keselamatan yang seragam di seluruh dunia. Keperluan ini, dengan disokong dasar-dasar Manual ESH Monsanto, menyediakan piawainya supaya kita dapat memenuhi tujuan yang dibentangkan dalam Ikrar Monsanto. Ingatlah, kita masing-masing bertanggung jawab menjaga keselamatan secara individu.

Monsanto tidak akan dapat mewujudkan keadaan kerja yang sihat tanpa kerjasama setiap pekerja. Kerjasama itu bererti semua pekerja dikehendaki datang bekerja tanpa dipengaruhi dadah terlarang atau alkohol. Penggunaan dadah terlarang atau penyalahgunaan ubat preskripsi di tempat kerja adalah dilarang ketat.

Komitmen Kita untuk Berurusan dengan Saksama

Monsanto berikrar untuk bertindak dengan jujur, berintegriti, dan beretika dalam urusan perniagaan kita. Kita akan berusaha untuk bersaing dengan beretika dan dengan cara yang diizinkan undang-undang di pasaran.

Antitrust dan Undang-Undang Persaingan yang lain

Antitrust adalah istilah umum bagi undang-undang yang menggalakkan persaingan yang adil dan terbuka. Undang-undang ini wujud di Amerika Syarikat, Kumpulan Eropah, dan banyak negara lain tempat Monsanto mengurus niaga. Undang-undang antitrust meliputi perjanjian dan amalan yang menghalang persaingan, seperti menetapkan harga dan memboikot atau memperuntukkan pembekal atau pelanggan. Undang-undang antitrust boleh juga meliputi gabungan perniagaan tertentu seperti perjanjian kumpulan syarikat, usaha sama, percantuman syarikat, pemerolehan dan susunan kerjasama perniagaan yang lain. Kita akan mematuhi semua undang-undang antitrust yang berkenaan dan akan berusaha mengelakkan apa jua perjanjian atau persefahaman yang melanggar undang-undang ini, biar pun pada akhirnya sahaja.

Perisikan Persaingan

Kita berusaha untuk mengalahkan prestasi saingan kita secara adil dan jujur. Kita berusaha mencapai kelebihan persaingan melalui prestasi yang unggul, bukan melalui amalan perniagaan yang tak beretika atau terlarang. Mencuri maklumat empunya, memiliki maklumat rahsia perdagangan yang didapati tanpa izin pemiliknya, atau mendesak pekerja mahupun bekas pekerja syarikat lain supaya mendedahkan maklumat sedemikian adalah dilarang ketat. Pekerja dan agen Monsanto dilarang meminta atau mendapatkan maklumat risikan persaingan secara manipulasi, dengan menyembunyikan maklumat, menyalahgunakan fakta yang material, menyoal atau menugaskan pekerja baru secara tidak wajar, atau amalan urusan tidak adil yang lain.

Rasuah dan Sogokan

Rasuah dan sogokan adalah dilarang di sisi undang-undang. Rasuah dan sogokan memusnahkan jalinan amanah yang mesti dibina demi memupuk persekitaran sihat untuk perniagaan kita berkembang. Wang dan aset Monsanto dilarang dibayar, dipinjamkan atau dikeluarkan dengan cara lain sebagai rasuah, sogokan atau pembayaran lain untuk mempengaruhi atau menjejaskan perilaku penerimanya. Pekerja dilarang setiap masa daripada meminta atau mendapatkan rasuah atau sogokan.

Perbincangan tentang rasuah di arena antarabangsa dapat dibaca dalam Kod ini di bahagian berjudul Membantu Perjuangan Menentang Rasuah. Perbincangan tentang hadiah atau hiburan yang dibenarkan dapat dibaca di bahagian berikut.

Hadiah dan Hiburan

Di Monsanto, komitmen kita untuk bersaing secara adil antara lain bererti tidak meminta kelebihan tidak wajar atau tidak adil yang boleh didapati dengan menyediakan hadiah atau hiburan. Kita juga sebaliknya tidak akan membenarkan mana-mana syarikat untuk mendapatkan kelebihan tidak wajar atau tidak adil apabila berurusan dengan kita.

Ada kalanya, memberi atau bertukar-tukar barang yang tidak mahal seperti hadiah, jamuan dan hiburan adalah cara yang dibolehkan bagi mewujudkan muhibah dan kepercayaan dalam hubungan perniagaan. Di Monsanto, hadiah seperti itu dibenarkan untuk kita memberi dan menerimanya dengan syarat: dibenarkan di sisi undang-undang, jarang-jarang diberikan atau diterima, tidak mahal nilainya, tidak boleh dianggap rasuah atau sogokan, dan mencerminkan cita rasa dan penilaian yang elok. Hal ini meliputi hadiah kepada pekerja kerajaan negeri dan tempatan di Amerika Syarikat.

Pekerja dilarang menawarkan atau memberi apa jua hadiah yang boleh dilihat sebagai percubaan Monsanto untuk secara tidak wajar mempengaruhi seseorang yang berurusan dengan kita. Begitu juga halnya, pekerja Monsanto dilarang menerima apa jua hadiah yang boleh memberi gambaran bahawa pekerja itu atau Monsanto boleh dipengaruhi dengan hadiah itu. Kita harus sangat berhati-hati dalam hubungan yang melibatkan pembekal Monsanto.

Komitmen Kita untuk Berurusan dengan Saksama (bersambung)

Perbincangan tentang hadiah kepada pegawai kerajaan di luar Amerika Syarikat dapat dibaca dalam Kod ini di bahagian berjudul Membantu Perjuangan Menentang Rasuah.

Integriti Pemasaran

Monsanto bersaing untuk meraih perniagaan atas dasar keunggulan nilai produk dan perkhidmatan kita. Usaha pemasaran kita haruslah sejajar dengan reputasi cemerlang yang kita mahu Monsanto nikmatinya. Kita akan berusaha mengelakkan pernyataan yang boleh mengelirukan atau mengabui mata orang dalam bahan promosi kita.

Pernyataan sedemikian boleh mengelirukan pelanggan kita dan orang lain yang bergantung kepada sifat terus terang kita tentang makanan yang mereka makan dan produk Monsanto yang mereka gunakan. Kita akan berusaha mengelakkan kejadian sedemikian. Bahan promosi Monsanto haruslah jujur dan tepat. Bahan sedemikian haruslah disokong dengan data saintifik yang bernas dan mesti mengelakkan rujukan yang tidak betul tentang produk saingan kita.

Sumbangan Politik dan Melobi

Dalam usaha memastikan mesej kita didengar dan difahami, Monsanto mungkin melibatkan diri dalam kegiatan politik. Sudah menjadi dasar Monsanto untuk mematuhi sepenuhnya undang-undang yang berkuat kuasa atas kegiatan politik.

Di Amerika Syarikat, Monsanto boleh, sejajar dengan undang-undang yang berkenaan, mengadakan dana tindakan politik sukarela yang boleh menerima sumbangan pekerja dan bebas daripada mana-mana parti, organisasi atau calon politik. Sumbangan pekerja kepada dana sedemikian mestilah dibuat secara sukarela pada setiap masa. Pekerjaan, kenaikan pangkat, atau ganjaran untuk mana-mana pekerja haruslah tidak bergantung pada sama ada pekerja turut serta atau tidak.

Di Amerika Syarikat, Monsanto dibenarkan membuat sumbangan kempen korporat untuk parti politik peringkat negeri dan tempatan, jawatankuasa politik atau calon pilihan raya untuk jawatan awam, tetapi hanya di tempat dan sejauh yang diizinkan undang-undang. Sudah menjadi dasar Monsanto tidak memberi sumbangan kewangan kepada parti politik di luar Amerika Syarikat tanpa kebenaran lebih dahulu daripada pegawai Monsanto yang berkenaan.

Usaha melobi politik di serata dunia dikenakan peraturan ketat. Semua usaha melobi oleh Monsanto harus mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

Perdagangan Orang Dalam

Demi memastikan kesaksamaan dan keterbukaan dalam perdagangan sekuriti dan pematuhan dengan undang-undang sekuriti yang berkenaan, semua pekerja Monsanto dilarang melibatkan diri dalam perdagangan orang dalam. Perdagangan orang dalam paling kerap terjadi apabila kita menggunakan "maklumat orang dalam" yang didapati melalui Monsanto untuk menjual beli sekuriti mana-mana syarikat, bukan Monsanto sahaja.

Menggunakan maklumat orang dalam (maklumat orang dalam bererti maklumat yang sulit dan penting sifatnya) apabila membeli atau menjual saham, atau memberi ahli keluarga, sahabat, atau orang lain sesuatu petua atau 'tip' berdasarkan maklumat itu, adalah dilarang di sisi undang-undang dan tidak beretika. Semua maklumat bukan umum tentang Monsanto harus dianggap maklumat empunya dan jangan sekali-kali digunakan untuk keuntungan peribadi, termasuk perdagangan saham. Harap ambil perhatian: bahagian ini berkuat kuasa atas semua pekerja, bukan peringkat pengurusan kanan sahaja.

Konflik Kepentingan

Konflik kepentingan terjadi apabila kita meletakkan kepentingan peribadi, masyarakat, kewangan, atau politik kita sendiri melebihi kepentingan Syarikat. Konflik kepentingan harus dielakkan kerana, selain menyebabkan persoalan undang-undang, konflik kepentingan boleh memberi gambaran seolah-olah Monsanto tidak berurusan adil dalam perniagaan, seolah-olah kita tidak mengikuti etika perniagaan bertaraf tinggi yang kita laungkan. Sesuatu konflik yang boleh terjadi tidak semestinya menjadi masalah, tetapi semua konflik yang boleh terjadi harus didedahkan supaya bimbingan dapat diberikan secara tepat masa.

Komitmen Kita untuk Berurusan dengan Saksama (bersambung)

Contoh konflik yang boleh terjadi termasuk:

- Bekerja, dalam tugas apa pun, untuk saingan, pelanggan atau pembekal semasa masih bekerja atau melakukan khidmat untuk Monsanto
- Menerima hadiah melebihi nilai nominal daripada saingan, pelanggan atau pembekal.
- Bersaing dengan Monsanto untuk membeli atau menjual harta benda, perkhidmatan atau kepentingan lain.
- Mempunyai kepentingan dalam urus niaga yang melibatkan Monsanto, pelanggan atau pembekal (tidak termasuk pelaburan lazim dalam syarikat dagangan awam).
- Menerima pinjaman atau jaminan suatu kewajipan hasil daripada kedudukan anda di Monsanto.

Elakkan konflik kepentingan biar pun pada lahirnya sahaja, dan terutama sekali jangan lupa mendedahkan dengan serta merta apa jua keadaan yang anda hadapi yang boleh terjadi konflik. Konflik yang boleh terjadi boleh didedahkan kepada Business Conduct Office atau Jabatan Undang-Undang.

Peluang-Peluang Korporat

Di Monsanto kita mungkin mendapat tahu sesuatu peluang perniagaan untuk diri sendiri hasil daripada tugas yang kita lakukan untuk Monsanto. "Peluang-peluang korporat" ini boleh menimbulkan konflik kepentingan yang khusus apabila kita, saudara mara yang rapat, atau orang lain yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengan kita, menyertai aktiviti perniagaan yang sedia ada atau yang bakal diadakan walhal Monsanto juga telah menyatakan minat terhadapnya. Kita mesti berusaha tekun untuk mengelakkan konflik kepentingan yang boleh terjadi seperti itu. Jika menghadapi konflik kepentingan ini, hubungi Business Conduct Office.

Hubungan Pembekal dan Pelanggan

Seberapa dapat, pemilihan sub-kontraktor dan pembekal harus dibuat berdasarkan kriteria yang ketat dan objektif. Kriteria itu termasuk kualiti, keunggulan teknikal, kos/harga, jadual waktu/penghantaran, perkhidmatan dan penyenggaraan sumber bekalan yang memadai dan rekod keselamatan jika berkenaan. Begitu juga, sebagai wakil Monsanto, anda mesti tegas menjaga kejujuran dalam semua urusan dengan badan-badan kerajaan, perniagaan dan organisasi lain yang telah atau akan menjadi pelanggan kita. Semua kontrak dengan pelanggan dan rakan kongsi mesti dirundingkan dan diikat dengan cara yang saksama, tanpa urusan terselindung atau kesepakatan secara diam-diam, dan direkodkan sepenuhnya secara tulisan.

Komitmen Kita untuk Menjaga Integriti Produk

Kod Tatalaku Monsanto juga meliputi Integriti Produk. Melalui Integriti Produk kita akan berusaha memastikan produk dan teknologi kita mematuhi atau melebihi kehendak semua undang-undang, peraturan dan piawai kelulusan yang berkaitan. Kita juga akan berusaha supaya produk kita selamat dan memelihara alam sekitar, dan kita juga akan berusaha seberapa daya supaya produk dan teknologi kita digunakan dengan cara yang wajar dan bertanggung jawab, memenuhi atau melebihi jangkaan kualiti produk pelanggan dan pengguna. Integriti produk diperkatakan dengan lebih terperinci dalam bahagian Penyelidikan Sains, Kualiti Produk, Pematuhan Peraturan, dan Pengelolaan Produk di bawah.

Penyelidikan Sains

Di Monsanto kita tahu dan faham peri pentingnya menjalankan penyelidikan sains yang beretika. Sebahagian besar kejayaan kita akan bergantung pada usaha membina kepercayaan dengan pelbagai kumpulan dan orang, dan sebahagian besar kepercayaan itu akan bergantung pada ketepatan dan kebolehpercayaan data saintifik yang kita berikan.

Supaya hasil penyelidikan kita beretika, penyelidikan itu mesti dilakukan dengan:

- Protokol yang diluluskan dan kawalan yang wajar.
- Tinjauan oleh rakan tara atau penyeliaan jaminan kualiti, mana yang berkenaan.
- Data yang direkodkan dengan tepat, dapat diulang atau dapat dibina semula, dan dengan dokumentasi yang wajar.
- Penerapan analisis statistik atau data yang wajar.

Kualiti Produk

Monsanto bertekad untuk menghasilkan produk berkualiti setinggi-tingginya secara konsisten. Hal ini dicapai melalui proses yang dipiawaikan termasuk proses yang terus diperbaiki dari semasa ke semasa. Komitmen kepada kualiti ini adalah salah satu nilai teras kita dan unsur umum yang merentasi seluruh syarikat serta menghubungkan kita dengan pelanggan. Kualiti produk dicapai melalui usaha setiap hari oleh setiap pekerja. Keputusan yang optimum, dari segi prestasi dan kewangan, adalah hasil yang memang seharusnya daripada pengurusan kualiti yang berkesan. Matlamat kita ialah menjadi pemimpin industri dalam pembangunan dan perkongsian amalan kualiti produk yang terbaik, dan kita akan menyediakan produk yang memenuhi semua kehendak undang-undang dan kontrak. Kita bertekad untuk menyediakan alat-alat untuk rakan kongsi dan pemegang lesen kita, supaya mereka juga memiliki kemampuan untuk menghasilkan produk dan tawaran berkualiti tinggi.

Pematuhan Peraturan

Monsanto menjalankan perniagaan sedunia kita ini dalam persekitaran yang banyak peraturannya. Kebanyakan produk kita mesti diluluskan oleh agensi kawal selia sebelum dijual atau digunakan pelanggan. Di Monsanto, tujuan kita ialah mematuhi semua peraturan serta proses dan syarat-syarat kelulusan yang relevan di peringkat antarabangsa, serantau, dan tempatan. Dengan cara itu, kita dapat memasarkan produk kita, dan pelanggan kita seterusnya dapat memasarkan produk mereka juga. Selain itu, dengan memenuhi atau melebihi semua kehendak peraturan, keselamatan dan pematuhan, Monsanto berusaha meyakinkan pelanggan, peladang, dan pengguna kita bahawa kita telah membuktikan keselamatan produk kita dan telah memuaskan tinjauan ketat oleh pihak berkuasa kawal selia yang berkenaan.

Pengelolaan Produk

Pengelolaan produk adalah kewajipan Monsanto bagi menilai dan menyokong produk dan teknologi kita dengan menilai sama ada produk dan teknologi itu selamat dan bertanggung jawab kepada alam sekitar. Selain itu, pengelolaan produk melibatkan kewajipan kita untuk menjelaskan dan menggalakkan penggunaan produk dan teknologi itu secara wajar dan bertanggung jawab, terutama dari segi piawai dan prinsip masyarakat.

Monsanto bertekad untuk melaksanakan pengelolaan produk dan mempunyai Majlis Pengelolaan Kesihatan dan Alam Sekitar serta beberapa kumpulan kerja yang khusus bertugas untuk pengelolaan. Majlis tersebut bertanggung jawab membantu Monsanto mencapai kewajipan pengelolannya. Pekerja dikehendaki menyokong inisiatif pengelolaan.

Komitmen Kita untuk Bekerja Sesuai dengan Komuniti Kita

Di Monsanto, kita faham kesan kita atas setiap komuniti tempat kita menguruskan perniagaan, dan kita mahu membuat sumbangan positif demi kemaslahatan komuniti tersebut. Kita faham bahawa dibenarkan berurus niaga dalam setiap komuniti kita adalah suatu penghormatan, dan kita akan berusaha seberapa daya supaya layak menerima penghormatan yang diberi kepada kita setiap hari.

Melindungi Alam Sekitar

Sebagai sebuah syarikat, kita bertekad untuk melindungi alam sekitar serta kesihatan dan keselamatan pekerja, kontraktor, tetamu dan jiran-jiran kita. Seajar dengan komitmen ini, kita berusaha mematuhi undang-undang dan kehendak alam sekitar, kesihatan dan keselamatan di mana sahaja kita berurusan. Undang-undang dan peraturan tersebut, baik di peringkat persekutuan, serantau atau tempatan, merupakan piawai minimum bagi kemudahan dan amalan kita.

Pekerja yang mempunyai tanggung jawab pekerjaan yang berhubungan dengan apa cara pun dengan kegiatan alam sekitar mesti patuh dengan ketatnya dengan undang-undang dan peraturan yang berkenaan, serta dasar alam sekitar Monsanto yang diuraikan dalam Manual ESH Monsanto. Kegagalan berbuat begitu boleh menimpakan penjejasan pada komuniti kita dan alam sekitar selain membawa tindakan undang-undang yang serius.

Aktiviti Politik Pekerja

Monsanto menggalakkan pekerjaannya supaya melibatkan diri dalam ehwal awam dan menyertai proses politik. Inilah satu cara kita semua dapat mengamalkan kewarganegaraan yang baik dan memberi sumbangan bermakna kepada masyarakat kita. Namun, apa jua aktiviti politik yang dilakukan atas nama diri anda sendiri mestilah dilakukan sebagai individu dan orang perseorangan, bukan bagi pihak Syarikat. Jika mahu bertanding untuk jawatan awam, pastikan anda tidak menggunakan harta atau peralatan Syarikat untuk tujuan itu. Penglibatan politik anda mestilah dilakukan hanya pada waktu anda sendiri.

Komitmen Kita untuk Membuat Pendedahan Awam yang Tepat dan Menggunakan Aset Syarikat Secara Wajar

Para pelabur meletakkan kepercayaan mereka pada kita supaya menggunakan aset Syarikat, termasuk aset kewangan, secara bertanggung jawab. Dengan cara ini, aset tersebut digunakan bagi tujuan yang dimaksudkan: bagi membantu mengembangkan perniagaan kita.

Kualiti Pendedahan Awam

Monsanto bertanggung jawab untuk berkomunikasi secara berkesan dan terus terang kepada para pemegang saham dan pihak berkepentingan yang lain supaya mereka mendapat gambaran yang sebenar tentang keadaan kewangan dan keputusan urusan Monsanto, dari sudut pandangan pihak pengurusan. Monsanto bertekad untuk memberi pendedahan yang sepenuhnya, adil, tepat, tepat masa dan dapat difahami dalam laporan berkala yang difailkan kepada Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa serta dalam pendedahan awamnya yang lain.

Buku-Buku dan Rekod yang Tepat

Rekod dan pelaporan maklumat Syarikat secara jujur dan tepat adalah sangat penting. Pelabur mengharapkan kita, dan undang-undang menghendaki kita, supaya memberi maklumat yang tepat tentang perniagaan kita serta membuat keputusan perniagaan yang bermaklum berdasarkan rekod yang boleh dipercayai. Segala rupa urusan niaga harus dilaksanakan oleh pekerja yang diberi kuasa berbuat begitu sahaja. Urusan niaga mesti direkodkan dengan segera dan tepat supaya rekod kewangan dan rekod lain dapat disiapkan dengan tepat, dan supaya mencerminkan dengan jelas tanggung jawab bagi aset dan liabiliti. Dilarang mewujudkan atau memelihara dana yang tidak direkodkan bagi tujuan apa pun. Dilarang memalsukan rekod dengan cara apa pun. Dilarang membuat apa-apa masukan yang dengan sengaja menyembunyikan atau mengabui mata tentang sifat sebenar sesuatu urusan niaga.

Komitmen Kita untuk Membuat Pendedahan Awam yang Tepat dan Menggunakan Aset Syarikat Secara Wajar (bersambung)

Pekerja Monsanto dengan tugas penyeliaan bertanggung jawab mewujudkan dan memelihara sistem kawalan pentadbiran dan perakaunan yang berkesan dalam bidang tanggung jawab masing-masing.

Pengurusan Rekod

Fungsi perniagaan kita bergantung pada penyimpanan rekod, seperti manusia juga, pada bidang yang lebih kecil, untuk menjejak apa yang dipunyai, dan memastikan urusan yang teratur. Pada umumnya, sebuah syarikat tidak dapat membuktikan apa kepunyaannya, atau adakah betul apa yang dilakukannya, tanpa rekod.

Kita dikehendaki undang-undang supaya menyimpan banyak jenis rekod, terutama rekod perakaunan, cukai, serta alam sekitar, kesihatan dan keselamatan, bagi jangka masa tertentu. Selain itu, kerap kali kita perlukan rekod dari tempoh yang lebih lama daripada dikehendaki undang-undang, bagi mempertahankan diri terhadap tindakan guaman dan cabaran terhadap paten kita.

Demi memastikan kita mempunyai rekod yang wajar dan demi mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan, semua pekerja harus mematuhi Manual Pengurusan Rekod dan semua kehendak cukai dan undang-undang tentang rekod.

Harta Intelektual dan Maklumat Sulit

Hasil kerja keras pekerja Monsanto banyak dirakamkan atau disimpan dalam berbagai bentuk maklumat sulit, termasuk harta intelektual. Maklumat empunya sulit yang dihasilkan dan dikumpulkan dalam perniagaan kita merupakan aset Syarikat yang berharga. Melindungi maklumat ini merupakan peranan penting dalam pertumbuhan kita seterusnya dan kebolehan kita bersaing. Semua maklumat empunya harus dijaga kerahsiaannya dengan ketat, kecuali jika pendedahan itu diberi kuasa oleh Monsanto atau dikehendaki undang-undang.

Maklumat empunya termasuk semua maklumat bukan awam yang mungkin berguna kepada saingan kita atau pelabur atau yang boleh membahayakan Monsanto atau pelanggannya jika didedahkan, seperti rancangan, objektif dan strategi perniagaan, penyelidikan, pemasaran, jualan dan produk baru, rekod, pangkalan data, data gaji dan faedah, maklumat perubahan pekerja, senarai pelanggan, pekerja dan pembekal, dan apa jua maklumat kewangan atau harga yang belum diterbitkan, termasuk juga harta intelektual. Harta intelektual adalah istilah umum yang boleh merujuk kepada idea, karya bertulis, jenama, atur cara komputer, rumusan, proses industri, ciptaan dan hasil usaha intelektual lain. Harta intelektual boleh termasuk maklumat perniagaan yang sulit seperti reka bentuk, lukisan, pengiraan serta pangkalan data dan perisian komputer. Paten, tanda dagangan, hak cipta dan rahsia dagangan masing-masing direka untuk melindungi sejenis harta intelektual tertentu, namun kerap kali digabungkan bagi perlindungan maksimum.

Tidak selalunya mudah untuk mengenal pasti apakah harta intelektual atau maklumat sulit, jadi pekerja harus selalu memperlakukan semua bahan sebagai bahan rahsia hingga wakil Monsanto yang berkenaan membuat penentuan. Penggunaan atau pengedaran maklumat sulit tanpa diberi kuasa adalah melanggar dasar Syarikat dan boleh membawa tindakan disiplin. Perbuatan itu juga mungkin dilarang undang-undang dan menyebabkan hukuman sivil atau jenayah. Kita masing-masing berkewajipan melindungi dengan tekun semua maklumat sulit dan harta intelektual yang diamankan kepada kita oleh Monsanto, dan kewajipan ini termasuk melindungi dengan sewajarnya harta intelektual orang lain. Pekerja bertanggung jawab melindungi semua maklumat sulit dengan menandakan maklumat itu dengan cara yang sepatutnya, menyimpannya dengan selamat, dan membatasi akses supaya hanya pekerja yang perlu tahu demi melakukan tugas sahaja dapat mengaksesnya.

Pekerja tetap berkewajipan melindungi maklumat empunya dan sulit Monsanto meskipun setelah meninggalkan Monsanto. Pekerja yang meninggalkan Monsanto mesti memulangkan semua maklumat empunya dalam pegangannya.

Komitmen Kita untuk Membuat Pendedahan Awam yang Tepat dan Menggunakan Aset Syarikat Secara Wajar (bersambung)

Harta Syarikat

Harta syarikat harus digunakan untuk menjalankan urusan Syarikat. Kita dikehendaki bertindak dengan bertanggung jawab dan menggunakan budi bicara yang sempurna apabila menggunakan harta Syarikat kita. Melindungi aset Syarikat daripada hilang, dicuri, disalah gunakan dan disia-siakan adalah tanggung jawab kita. Pencurian, kecuaiian dan pembaziran secara langsung menjejaskan keuntungan kita. Pencurian, penipuan atau penggunaan tidak cekap yang disyaki atas aset Syarikat harus dilaporkan kepada pengurus, Jabatan Keselamatan, atau Business Conduct Office. Penggunaan harta Syarikat sekali sekala adalah dibenarkan jika penggunaan itu sah di sisi undang-undang, terbataskan jangka waktu dan kekerapannya dan tidak memakan banyak sumber Syarikat. Pekerja dikehendaki menggunakan sumber syarikat yang diluluskan bagi tujuan ini apabila menyenaraikan barang peribadi untuk dijual atau disewakan. Berikut adalah panduan khusus.

Komputer, E-mel, dan Internet

Sistem komputer Monsanto (termasuk apa-apa komputer yang disediakan untuk pekerja oleh Syarikat) adalah harta Syarikat. Seperti semua harta Monsanto, sistem komputer disediakan untuk melakukan urusan Monsanto.

Setiap pekerja bertanggung jawab menggunakan sistem komputer Syarikat (yang termasuk penggunaan e-mel dan Internet) secara wajar dan sejajar dengan undang-undang yang berkenaan serta dasar Syarikat. Semua komunikasi dan maklumat yang dipancarkan oleh, diterima daripada, dibuat atau disimpan dalam sistem komputer Syarikat (termasuk cakera, CD atau media simpanan lain) adalah rekod Monsanto dan harta Monsanto. Syarikat berhak, tetapi tidak berkewajipan, atas apa jua sebab dan tanpa izin pekerja, untuk memantau segala aspek sistem komputer tersebut.

Meskipun penggunaan sistem komputer untuk keperluan peribadi secara minimum adalah dibenarkan, penggunaan sistem komputer untuk mengirimkan atau menerima mesej atau fail yang melanggar undang-undang adalah dilarang. Mengirim atau menerima maklumat atau bahan yang bersifat terang-terangan seksual, perkauman atau selainnya, mencaci maki, kesat, atau lucah juga dilarang. Selain itu, kecuali diluluskan oleh Monsanto, sistem komputer tidak boleh digunakan bagi merayu sokongan atas nama sesuatu perjuangan agama atau politik, organisasi perniagaan atau organisasi lain di luar, atau aktiviti lain yang tidak sangkut paut dengan perkhidmatan pekerja berkenaan kepada Monsanto.

Privasi Rekod

Dalam melakukan kegiatan perniagaan kita, ada kalanya kita mungkin sempat melihat rekod perubatan atau maklumat peribadi lain tentang diri seseorang. Maklumat ini diamanahkan kepada kita dengan persefahaman akan digunakan dan disimpan sewajarnya. Kita akan melindungi kerahsiaan semua maklumat perubatan dan peribadi dalam simpanan kita dan memelihara penggunaan dan akses yang wajar kepada maklumat tersebut. Selain itu, dalam urusan perniagaan, kita mungkin mengetahui maklumat kewangan atau maklumat peribadi lain yang sensitif tentang pengguna, pelanggan kita, atau pihak lain. Maklumat sedemikian harus dilindungi dengan sebaiknya dan digunakan dengan sewajarnya oleh Monsanto.

Privasi Kumpulan Eropah

Arahan Kumpulan Eropah (EU) tentang Perlindungan Data (Arahan) membenarkan pemindahan data peribadi warga EU hanya kepada negara bukan EU yang menyediakan perlindungan peribadi yang "memadai". Semua entiti Monsanto di dalam EU akan mematuhi Arahan ini. Di luar EU, Monsanto akan mematuhi "Prinsip" yang diuraikan oleh Jabatan Perdagangan AS demi memberi perlindungan kepada data peribadi EU yang dikirimkan atau diakses oleh Monsanto di Amerika Syarikat.

Komitmen Kita untuk Mewujudkan Tempat Kerja Sedunia

Monsanto berbangga menjadi pemimpin di tempat kerja sedunia dalam beberapa isu. Kita berbangga dapat menawarkan produk dan perkhidmatan di banyak negara serata dunia, dengan kesempatan unik untuk menolong warga negara-negara tersebut meningkatkan taraf hidup dan taraf kesihatan serta kesejahteraan diri mereka sendiri dan anak-anak mereka. Penghormatan untuk menjalankan perniagaan di serata dunia itu diiringi pula kewajipan untuk menghormati undang-undang yang berkuat kuasa atas perniagaan sedunia, serta pegawai kerajaan serata dunia yang menguatkuasakan undang-undang itu atau memperundangkannya. Kita bincangkan beberapa undang-undang itu sekarang.

Membantu Perjuangan Menentang Rasuah

Dalam melakukan tugas, pekerja Monsanto boleh dari semasa ke semasa berurusan dengan pegawai kerajaan. Penting sekali semua urusan itu dilakukan secara terbuka dan jujur.

Ada undang-undang AS, iaitu Akta Amalan Rasuah Asing (FCPA), yang melarang pekerja dan agen Monsanto daripada secara langsung atau tidak langsung menawarkan atau berjanji untuk membayar, atau membenarkan pembayaran wang atau apa jua yang berharga kepada pegawai kerajaan di luar AS, bagi tujuan mempengaruhi tindakan atau keputusan pegawai tersebut. Lebih enam puluh negara telah memperundangkan akta yang serupa bagi melarang warga masing-masing menawarkan rasuah kepada pegawai kerajaan negara lain. Pekerja dan agen Monsanto harus mematuhi FCPA dan undang-undang anti rasuah yang serupa.

Dilarang membuat bayaran mempermudah urusan tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Penasihat Umum, kecuali dalam keadaan kecemasan.

Selain itu, hampir setiap negara mempunyai undang-undang yang melarang apa jua bayaran atau pemberian barang berharga (secara langsung atau tidak langsung) dibuat, ditawarkan atau dijanjikan kepada pekerja atau pegawai kerajaan negara berkenaan, jika pembayaran sedemikian dimaksudkan untuk mempengaruhi tindakan atau keputusan rasmi bagi memenangi atau mengekalkan perniagaan bagi kita.

Oleh itu, dilarang menawarkan atau memberi apa jua bayaran, hadiah, perkhidmatan, atau apa jua barang lain yang berharga kepada mana-mana pegawai kerajaan, di mana jua di dunia, jika bayaran, hadiah, perkhidmatan, atau barang tersebut dimaksudkan, walaupun secara lahirnya sahaja, untuk mempengaruhi tindakan seorang pegawai kerajaan demi memenangi atau mengekalkan perniagaan untuk Monsanto.

Undang-Undang Anti Pemboikotan

Amerika Syarikat mempunyai undang-undang anti pemboikotan bagi memastikan sekelompok syarikat tidak bekerjasama dengan cara apa pun bagi melakukan pemboikotan tanpa persetujuan. Contohnya, undang-undang AS menganggap pemboikotan terhadap Israel oleh beberapa negara tertentu sebagai pemboikotan tanpa persetujuan. Undang-undang anti pemboikotan AS mengenakan larangan dan peraturan pelaporan yang ketat sehubungan dengan pemboikotan sedemikian dan apa jua permintaan untuk bekerjasama dengannya. Undang-undang dan peraturan AS dalam hal ini berkuat kuasa atas sekutu Monsanto bukan AS dan aktiviti di luar Amerika Syarikat. Kita akan mematuhi undang-undang anti pemboikotan itu dan peraturan pelaporannya.

Sekatan Perdagangan dan Ekonomi

Dari semasa ke semasa Amerika Syarikat mengenakan sekatan ekonomi dan perdagangan demi mencapai matlamat dasar luarnya. Sekatan dilakukan dengan menyekat dan memantau perdagangan, pelaburan, dan urusan niaga kewangan oleh orang dan syarikat AS, dan kadang kala oleh sekutu dan orang bukan AS juga, dengan negara, organisasi atau individu tertentu. Undang-undang dan peraturan AS dalam bidang ini berkuat kuasa atas sekutu Monsanto bukan AS dan boleh termasuk urusan niaga antara sekutu bukan AS dengan entiti lain di luar AS.

Pekerja Monsanto harus mematuhi semua undang-undang sekatan dagangan yang berkenaan.

Komitmen Kita untuk Mewujudkan Tempat Kerja Sedunia (bersambung)

Mengeksport dan Mengimport

Mengeksport dan mengimport adalah urusan harian dalam jualan dan pengadaan antarabangsa Monsanto. Monsanto bertekad untuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan AS dan bukan AS yang relevan, yang berkuat kuasa atas pengangkutan produk kita melintasi perbatasan antarabangsa. Setiap negara (atau kumpulan negara seperti EU), termasuk AS, menghendaki barangan diimport melalui proses kastam. Monsanto akan mematuhi semua undang-undang kastam yang berkenaan, membekalkan pihak kastam maklumat yang tepat dan jujur tentang produk yang kita eksport atau import.

Urus Niaga Mata Wang yang Beretika

Lebih 100 negara sekarang mempunyai undang-undang yang melarang “pencucian” wang haram. Wang haram “dicuci” apabila diambil daripada kegiatan haram dan dimasukkan melalui kegiatan yang sah bagi melindungi kegiatan jenayahnya, termasuk jenayah yang menghasilkannya, seperti pengganasan, pengedaran dadah atau mengelak cukai secara haram. Monsanto bertekad untuk mematuhi sepenuhnya semua undang-undang anti pencucian wang haram serata dunia.

Integriti dan reputasi Monsanto boleh terjejas teruk jika gagal mengesan dan mengelakkan hubungan yang meletakkan kita dalam risiko. Monsanto akan menjalankan perniagaan dengan rakan, terutama pelanggan, yang baik reputasinya yang terlibat dalam kegiatan perniagaan yang sah di sisi undang-undang. Kita tidak akan dengan sengaja menerima wang yang didapati daripada sumber atau kegiatan haram.

Soalan Lazim

Apakah tanggung jawab saya di bawah Kod ini?

Kita masing-masing bertanggung jawab menjadikan integriti sebahagian daripada usaha kita, hidup mengikut taraf tinggi yang kita pekerja Monsanto tetapkan untuk diri kita sendiri. Setiap pekerja Monsanto akan mematuhi undang-undang berkenaan, mematuhi dasar kita, dan mematuhi Kod Tatalaku Perniagaan, dan akan melaporkan kepada Business Conduct Office apa jua keadaan yang biarpun pada lahirnya sahaja tampak melanggar Kod.

Kami percaya pada integriti pekerja kita dan siap sedia untuk membantu jika ada isu atau percanggahan. Tetapi, pekerja yang tidak mematuhi Kod ini akan dikenakan tindakan disiplin hingga dan termasuk pemberhentian kerja. Selain itu, semua pekerja dikehendaki bekerjasama dengan apa jua penyiasatan atas dakwaan pelanggaran Kod ini.

Sudah menjadi dasar Monsanto tidak mengambil tindakan negatif terhadap pekerja yang, secara jujur dan dengan suci hati, melaporkan pelanggaran yang didakwa terhadap Kod Tatalaku Perniagaan Monsanto kepada pihak pengurusan Monsanto, Jabatan Undang-Undang, atau Business Conduct Office. Sesiapa pengurus yang membalas dendam terhadap pekerja kerana membuat laporan di bawah Kod ini akan dikenakan langkah disiplin hingga dan termasuk pemberhentian kerja. Sesiapa pekerja yang ditunjukkan membuat laporan palsu secara sengaja juga akan dikenakan tindakan disiplin hingga dan termasuk pemberhentian kerja.

Apakah tanggung jawab para pengurus di bawah Kod ini?

Pihak pengurusan Monsanto dikehendaki menunjukkan teladan perilaku perniagaan yang wajar. Hal ini bererti mewujudkan dan memelihara persekitaran kerja yang penuh dengan pekerja yang faham perilaku beretika yang dikehendaki daripada mereka dan juga bebas menimbulkan isu-isu atau persoalan mengenai perilaku itu. Pihak pengurusan kita di setiap peringkat mestilah tekun mengesan tanda-tanda bahawa pelanggaran Kod ini mungkin telah terjadi.

Soalan Lazim (bersambung)

Ketekunan itu mestilah diteruskan pula dalam menghadapi keadaan yang tampaknya melanggar Kod. Akhir sekali, setiap pengurus berkewajipan mutlak untuk melaporkan apa jua kejadian pelanggaran Kod yang didakwa atau tampak pada lahirnya kepada Business Conduct Office.

Ke mana saya harus mendapatkan bantuan jika kurang jelas tentang sesuatu?

Business Conduct Office sedia membantu.

Talian Panduan Monsanto:	877•781•2431
Telefon Pejabat:	800•886•0782
E-mel:	business.conduct@monsanto.com
Pos biasa:	Monsanto Business Conduct Program P.O. Box 21526 St. Louis, MO 63132, USA
Borang maklum balas Tatalaku Perniagaan di web	Di laman Program Tatalaku Perniagaan

Kata-Kata Penutup

Dalam mengeluarkan Kod Tatalaku Perniagaan ini, Monsanto menegaskan semula komitmen untuk menjalankan semua urusan perniagaan sejajar dengan integriti, sejajar dengan semua kehendak undang-undang dan taraf etika yang dihuraikan dalam kod ini. Untuk mengecap nilai sebenar Kod ini, setiap orang dalam Syarikat mesti membuat komitmen peribadi kepadanya, dan kita masing-masing dikehendaki melakukan hal ini. Tujukan setiap usaha anda untuk menegakkan Ikrar kita dan nilai-nilai yang menjadi inti Ikrar itu dalam setiap kegiatan. Carilah cara baru dan inovatif untuk menerapkan Ikrar itu dan nilai-nilai tersebut dalam kegiatan perniagaan kita sehari-hari.

Cabaran yang timbul dalam urusan perniagaan kita boleh diselesaikan sejajar dengan semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan dan dengan taraf etika kita yang tinggi, tanpa mengorbankan matlamat perniagaan, jika isu itu dikenal pasti awal-awal lagi, dihadapi secara bekerjasama, dan diselesaikan secara bijak. Bersama-sama, kita dapat mencipta persekitaran yang berjaya.